

Banyakkan *infrastruktur* OKU

PBT perlu sediakan pelbagai kemudahan, beri hak golongan istimewa itu

PANDAN PERDANA – Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) memohon pihak berkuasa tempatan (PBT) menaik taraf infrastruktur golongan tersebut di sekitar kawasan Pandan Perdana bagi memastikan keperluan bagi golongan itu tidak diketepikan.

Seorang OKU, Wan Sie Mia, 45, berkata, PBT juga harus mempelbagaikan fasiliti yang lebih mesra OKU termasuk di taman rekreasi.

“Saya berharap mereka dapat sediakan laluan khas untuk golongan OKU supaya mudah untuk akses terutama di tempat-tempat awam.

“Selain itu, fasiliti di taman rekreasi juga kurang mesra untuk golongan OKU yang berkerusi roda

dan ia perlu dinaikkan taraf untuk memudahkan kami menjalankan aktiviti,” katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, PBT perlu menitikberatkan perancangan dan pelaksanaan reka bentuk infrastruktur bagi kemudahan penggunaan golongan OKU.

“Mereka juga harus menyediakan kemudahan seperti laluan khas bagi membolehkan golongan itu pergi ke pasar dan taman rekreasi,” katanya kepada *Sinar Harian* selepas menghadiri Program Pemeriksaan Mata dan Pemberian Cermin Mata percuma untuk golongan warga emas.



● Adakan kemudahan seperti laluan khas ke tempat-tempat awam

● Surat bakal dihantar ke PBT dalam masa terdekat

Beliau berkata, pihaknya akan menghantar surat kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya berhubung aduan dan cadangan penduduk serta golongan OKU dalam masa terdekat.

“Perkhidmatan yang disediakan PBT kepada golongan OKU tidak sepatutnya terhad di kawasan pejalan kaki, ia perlu meliputi semua aspek,” katanya.



Ben Liew (kiri) dan Pengerusi MCA dan BN Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee (dua, kanan) sedang berbual dengan Sie Mia (kanan).